

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan kaedah ukuran kualiti air sungai dan air laut yang diguna pakai kini. Perincikan tempoh masa ia diambil, dianalisis dan penyediaan laporan bagi perkongsian umum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menentukan kualiti air sungai dan air laut, sampel-sampel air sungai dan air laut diambil daripada stesen-stesen yang telah ditetapkan dan diukur kualitinya secara *in-situ* dan juga dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia atau makmal yang mempunyai sijil akreditasi untuk dianalisis bertujuan menentukan kriteria dari segi fizik-kimia dan biologi.
2. Sampel rasmi bagi tujuan penguatkuasaan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia manakala sampel di bawah program pemantauan status kualiti air sungai dan laut (*Environmental Quality Monitoring Programme* - EQMP) dijalankan oleh syarikat konsesi yg dilantik oleh Kerajaan Malaysia. Syarikat konsesi menggunakan khidmat kemudahan makmal yang diakreditasi iaitu makmal yang diiktiraf oleh Jabatan Kimia Malaysia.

NO. SOALAN : 128

3. Analisis yang dijalankan oleh kedua-dua pihak adalah mengikut metodologi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa (*International Standard Methods*) dari segi tempoh, kaedah atau prosedur analisis mengikut parameter bahan pencemar. Tempoh bagi menyiapkan analisis sampel yang dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia adalah mengikut tempoh piagam yg ditetapkan oleh Jabatan tersebut. Manakala tempoh analisis yang dijalankan oleh makmal akreditasi yang dilantik oleh syarikat konsesi adalah dalam masa 2 minggu.

4. Pengukuran status kualiti air sungai dan laut dijalankan secara berkala iaitu pada setiap 2 bulan (6 kali setahun). Hasil keputusan yang diperolehi akan dianalisis dan keputusannya dilaporkan dalam Laporan Kualiti Alam Sekeliling secara tahunan tidak lewat dari 30 September tahun berikutnya selaras dengan kehendak Seksyen 3(i) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Akta 127).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN
AHMAD [KUALA SELANGOR]**

SOALAN NO. 131

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pelan jangka pendek dan jangka panjang Kementerian Kesihatan Malaysia dalam mengenal pasti seterusnya menaik taraf fasiliti-fasiliti kesihatan yang sedia ada atau pun yang telah usang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa mengkaji dan mengenal pasti status fasiliti kesihatan yang mempunyai keperluan untuk dinaiktaraf. Perancangan bagi pelaksanaan untuk menaiktaraf fasiliti kesihatan adalah dengan mengambil kira penilaian terhadap:

- a. Tahap keselamatan fasiliti kesihatan
- b. Peningkatan beban kerja berikutan pertambahan penduduk
- c. Keperluan penambahan skop perkhidmatan

2. Antara pendekatan yang diberi keutamaan untuk jangka masa pendek termasuklah melaksanakan kerja kecil menaiktaraf infrastruktur bangunan yang telah uzur dan usang seperti pendawaian semula elektrik, penggantian bumbung, pembaikan lantai dan naiktaraf ruang menunggu serta penggantian peralatan lama berdasarkan kelulusan peruntukan kewangan yang diterima setiap tahun. Sehubungan itu, KKM

SOALAN NO. 131

sentiasa berusaha untuk mendapatkan peruntukan tambahan bagi tujuan ini memandangkan setiap bangunan semestinya akan mengalami kemerosotan dan kecacatan disebabkan oleh faktor proses kehausan dan kelusuhan (*wear and tear*).

3. Pembinaan fasiliti kesihatan baru / penggantian fasiliti kesihatan sedia ada merupakan langkah jangka masa panjang Kementerian bagi mempertingkatkan prasarana kesihatan seluruh negara. Pembinaan fasiliti kesihatan baru ditumpukan di penempatan penduduk berkepadatan tinggi, kawasan penempatan baru atau penempatan penduduknya jauh dari kemudahan kesihatan sedia ada. Sementara pembinaan fasiliti kesihatan gantian dilaksanakan bagi menggantikan fasiliti sedia ada yang telah usang dan tidak lagi kos efektif untuk dinaiktaraf.

4. Perancangan pembinaan baru dan naiktaraf fasiliti klinik-klinik kesihatan dan lain-lain fasiliti kesihatan merupakan satu usaha yang berterusan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kemudahan fasiliti kesihatan ini akan dinaiktaraf dari semasa ke semasa secara berperingkat mengikut keperluan dan tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN
AHMAD [KUALA SELANGOR]**

SOALAN NO. 132

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** langkah dan usaha pihak Kementerian dalam mengekang penjualan dan pemasaran produk kesihatan dan kecantikan yang telah pun tidak diberi kelulusan daripada Kementerian. Sejauh mana penguatkuasaan telah dilaksanakan bagi menghalang produk-produk tadi tidak dibenarkan untuk dijual.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Produk-produk kesihatan, kosmetik dan ubat-ubatan adalah dikawal di bawah Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Manakala, produk kosmetik pula perlu melalui prosedur notifikasi sebelum ianya boleh dikilang, diimport atau dijual di pasaran. Kawalan ini bertujuan untuk memastikan hanya produk yang berkualiti, selamat dan berkesan sahaja dijual untuk kegunaan orang ramai.

2. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Penguatkuasaan Farmasi sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan produk-produk kesihatan dan ubat-ubatan yang dipasarkan di Malaysia berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sebelum dijual kepada orang awam. Produk kesihatan yang berdaftar mempunyai nombor pendaftaran MAL serta pelekat keselamatan hologram pada labelnya manakala produk

SOALAN NO. 132

kecantikan atau kosmetik akan diberikan nombor notifikasi setelah dinotifikasikan.

3. Bagi mengekang penjualan produk kesihatan, produk kecantikan tidak berdaftar dan meragukan serta kosmetik yang tidak bernetifikasi, pihak KKM menjalankan tindakan pemeriksaan dan operasi serbuan secara berterusan ke atas premis-premis pengeluar atau penjual tersebut berdasarkan pemantauan dalaman dan pengesahan ke atas aduan yang diterima daripada orang awam. Syarikat atau individu yang didapati memiliki atau menjual produk kesihatan, produk kecantikan tidak berdaftar serta kosmetik tidak bernetifikasi akan disiasat dan didakwa di mahkamah di bawah Akta Jualan Dadah 1952.

4. Selain itu, KKM juga menjalankan aktiviti persampelan produk di pasaran, pemantauan penjualan produk dalam talian, pemantauan pengiklanan melalui media massa dan cetak, pemeriksaan rutin ke atas premis-premis penjualan produk kesihatan dan aktiviti saringan di pintu masuk negara bersama pihak Kastam Diraja Malaysia.

5. Tindakan penguatkuasaan melibatkan pengiklanan dan penjualan produk kesihatan dan kecantikan secara dalam talian juga telah dilakukan. Sepanjang tahun 2019 hingga Jun 2020, sebanyak 19,047 iklan yang melanggar undang-undang daripada platform e-dagang telah diarahkan untuk diturunkan.

6. KKM juga telah mengambil tindakan menyaring dan menyiasat laman sesawang termasuk juga media sosial dan platform e-dagang yang menjual produk-produk kosmetik dan kesihatan jenama sendiri yang mengandungi racun dan tidak diluluskan oleh KKM. Dalam tempoh tersebut, sebanyak 8,183 pautan telah disaring. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,480 pautan yang telah dikenalpasti melanggar undang-undang dilaporkan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Facebook, penyedia domain untuk tujuan sekatan.

7. KKM telah menjalankan inisiatif Program DiPS (Didik, Pantau dan Serbu) di lokasi *hot-spot* yang menjadi tumpuan penjualan produk kesihatan dan kecantikan tidak berdaftar di seluruh negara bertujuan

SOALAN NO. 132

mengurangkan bekalan (*supply reduction*) dan membanteras penjualan produk kesihatan dan kecantikan tidak berdaftar di pasaran secara terbuka. Di peringkat antarabangsa pula, KKM telah menyertai Operasi Pangea yang diselaraskan oleh INTERPOL semenjak tahun 2012 bagi membanteras aktiviti pemerdagangan ubat-ubatan haram melalui internet.

8. KKM juga menjalankan pelbagai usaha pendidikan untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai penggunaan produk kesihatan berdaftar dan kosmetik bernotifikasi melalui pameran, dialog awam, ceramah, Kempen Kenali Ubat Anda, Duta Kenali Ubat Anda dan Kempen Waspada Pembelian Ubat Online di seluruh negara. Melalui kempen tersebut, maklumat berkaitan produk kesihatan dan kecantikan / ubat –ubatan berdaftar disampaikan kepada pelbagai golongan masyarakat untuk menyedarkan masyarakat supaya lebih berhati-hati semasa membeli produk kesihatan di pasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]

SOALAN NO. 133

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian Kesihatan Malaysia akan menaikkan kadar fi konsultasi untuk para pengamal perubatan. Sekiranya ya, apakah status dalam meminda undang – undang yang berkaitan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak berhasrat untuk menaikkan kadar fi konsultasi untuk para pengamal perubatan swasta walaupun terdapat cadangan asal untuk mengharmonisasi/ menyelaraskan fi konsultasi pengamal perubatan am klinik swasta dengan fi konsultasi pengamal perubatan am di hospital swasta.

2. Cadangan harmonisasi/penyelarasan fi konsultasi telah dibawa dan dibentangkan hingga ke Majlis Tindakan Sara Hidup Negara pada tahun 2019 bagi membuat penilaian kesan ekonomi ke atas masyarakat dan pengguna. Selanjutnya cadangan tersebut telah dibawa kepada Jemaah Menteri yang mengambil keputusan untuk memansuhkan kawalan ke atas fi konsultansi pengamal perubatan am swasta. Walau bagaimanapun cadangan asal pemansuhan kawalan ke atas fi konsultansi perubatan am swasta sepertimana yang telah

SOALAN NO. 133

dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 6 Disember 2019 masih belum dapat dilaksanakan kerana melibatkan pindaan Jadual Ketujuh dan Jadual Ketiga Belas, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].

3. Cadangan pemansuhan kawalan ke atas fi konsultasi ini akan dibentangkan semula kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan sebelum tindakan seterusnya diambil oleh pihak KKM. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]

SOALAN NO. 134

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status Majlis Penasihat Kesihatan Negara atau Health Advisory Council dan apakah fokus dan matlamat terkini HAC dalam meningkatkan sistem kesihatan di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jemaah Menteri pada 16 Januari 2019 telah meluluskan penubuhan Majlis Penasihat Kesihatan [*Health Advisory Council* (HAC)]. Sepanjang tempoh penubuhan sehingga 18 Mac 2020, HAC telah memainkan peranan dengan memberikan cadangan-cadangan penambahbaikan Kementerian Kesihatan secara menyeluruh, mengadakan sesi libat urus bersama pemegang taruh, memperbaiki keseluruhan penyampaian perkhidmatan pengamal perubatan swasta dengan memberikan nilai tambah dalam perkhidmatan serta lain-lain cadangan yang sewajarnya. Justeru, Kementerian Kesihatan amat menghargai peranan dan sumbangan yang telah diberikan oleh HAC.

2. Untuk fasa berikutnya dan susulan pelantikan YBhg. Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood sebagai Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri mengenai Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan akan bersama-sama melaksanakan penambahbaikan yang berterusan dari semasa ke semasa bagi memastikan perkhidmatan kesihatan yang disampaikan kepada rakyat adalah yang terbaik dengan akses penjagaan kesihatan yang berkualiti untuk semua. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN
AHMAD [KUALA SELANGOR]**

SOALAN NO. 135

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah semua perancangan-perancangan dari segi dasar yang terkandung dalam Sihat Bersama 2030 yang mana merupakan penterjemahan kepada Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 akan diteruskan. Seterusnya apakah status pelaksanaan untuk mendigitalkan rekod kesihatan bagi pesakit-pesakit melalui sistem 'EMR' yang mana merupakan hasrat dan usaha Kerajaan Pakatan harapan sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perancangan Dasar Sihat Bersama 2030 bukanlah satu dasar rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana ianya belum lagi diangkat untuk pertimbangan kerajaan semasa dibawah pentadbiran terdahulu. Walau bagaimanapun, selepas diteliti perancangan-perancangan yang diutarakan dibawah dasar tersebut, didapati kebanyakannya adalah kesinambungan kepada cadangan-cadangan penambahbaikan yang pernah dirancang oleh pentadbiran-pentadbiran sebelum ini seperti cadangan Dasar Kesihatan Negara, 1Care for 1Malaysia dan *Malaysia Health System Review* (dengan izin).
2. Untuk terus memajukan dan melestarikan kelangsungan perkhidmatan kesihatan negara, KKM akan sentiasa dan terus berusaha untuk mengangkat cadangan-cadangan yang bernas untuk

SOALAN NO. 135

dipertimbangkan oleh kerajaan. Cadangan-cadangan tersebut akan terangkum di dalam Tawaran Baharu (*New Deals*) dan Rancangan Malaysia ke-12 yang sedang digubal.

3. Status terkini pelaksanaan Sistem Rekod Kesihatan Elektronik atau *Electronic Medical Records* (EMR) di hospital kerajaan setakat ini ialah 37 buah hospital (25%) daripada 146 buah hospital, sementara bagi klinik kesihatan ialah 97 buah klinik kesihatan (9%) daripada 1,090 buah klinik kesihatan. Daripada 37 buah hospital yang mempunyai EMR, 10 buah hospital (27%) telah berintegrasi dengan Sistem *Malaysia Health Information Exchange* (MyHIX) sementara 1 klinik kesihatan (1%) daripada 97 buah klinik kesihatan yang telah berintegrasi dengan sistem MyHIX.

4. Untuk menggiatkan lagi liputan pelaksanaan Sistem EMR ke seluruh negara, kerajaan telah pun membuat perancangan strategik melalui pelaksanaan Projek EMR Kebangsaan. Projek ini akan dibuat secara berfasa yang akan turut mengambilkira keperluan dalam pendekatan terkini yang berkaitan mengenai pendigitalan penyampaian perkhidmatan kesihatan.

5. Melalui Projek EMR Kebangsaan, pelaksanaan Fasa 1 akan melibatkan keseluruhan fasiliti di Negeri Sembilan meliputi 7 buah Hospital, 44 buah Klinik Kesihatan dan 12 buah Klinik Pergigian. Sementara pelaksanaan Fasa 2 Projek EMR Kebangsaan pula meliputi perluasan Sistem EMR ke seluruh negara yang akan melibatkan lain-lain Hospital, Klinik Kesihatan dan Klinik Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sekian, terima kasih.